

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2003/2004

April 2004

JPS 412 – PEMBELAJARAN MELALUI SENI KREATIF

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

2750
075

- 1 Huraikan komponen-komponen Muzik Bunyi-bunyian.

Bagaimanakah bahan-bahan alam semula jadi/persekitaran dapat diimprovisasikan sebagai alat-alat bunyian untuk membangkitkan perkembangan estetika dan kreativiti dalam diri kanak-kanak dan remaja?

Perbincangan perlu dilengkapi dengan contoh-contoh yang jelas.

(25 markah)

2. Seni Ekspresif dikatakan sebagai agen pengayaan personaliti total kanak-kanak dari aspek-aspek pembelajaran dan pemikiran kreatif; perkembangan dan pengeksploitasian kreativiti; dan kebebasan pengucapan serta pemahaman budaya.

Bagaimanakah penyatuan (integrasi) setiap konsep tujuan/nilai Pergerakan Kreatif ini dapat membentuk kanak-kanak dan remaja yang harmonis dan berjiwa murni?

(25 markah)

3. (a) Berikan definisi improvisasi pergerakan. (5 markah)

(b) Huraikan LIMA (5) prinsip improvisasi pergerakan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai untuk mengukuhkan jawapan anda.

(20 markah)

4. Berikan definisi dan bincangkan unsur-unsur penting seperti tubuh badan, ruang, daya, dan perkaitan dalam Pergerakan Kreatif. Berikan contoh-contoh untuk menyokong jawapan anda.

(25 markah)